

19 OCT 2002

Kembar-Balik/I

KEMBAR SIAM DIJANGKA BALIK SEBELUM RAYA

Oleh: Zulkefli Salleh

RIYADH, 19 Okt (Bernama) -- Pasangan kembar Siam yang dipisahkan oleh doktor Arab Saudi di sini menerima tetamu istimewa apabila diziarahi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan dua hari ke Arab Saudi.

Keriangannya dapat bertemu dengan Dr Mahathir ditambah dengan berita gembira bahawa mereka dijangka akan dapat balik kampung seminggu sebelum Hari Raya Aidilfitri.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 30 minit bersama pasangan kembar berumur empat tahun itu di bilik VIP King Fahd National Guard Hospital yang dijadikan wad sementara sempena lawatan itu.

Kegembiraan Ahmad dan Muhammad jelas terpancar di wajah mereka apabila Dr Mahathir masuk ke bilik dan bersalaman.

"Apa khabar," kata Dr Mahathir dan Ahmad yang kelihatan lebih cergas menjawab "khabar baik".

Ketua pasukan perubatan dan pembedahan yang menjalankan pembedahan 23 jam bagi memisahkan pasangan itu, Dr Abdullah Al-Rabeeah memberitahu Dr Mahathir bahawa pasangan itu semakin pulih.

Dalam tempoh kurang dari sebulan, semua sistem tubuh mereka kembali normal dan seminggu sebelum Aidilfitri kelak, mereka dijangka akan bersedia untuk balik ke Malaysia, katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada Dr Abdullah dan pasukannya serta kerajaan Arab Saudi yang menampung keseluruhan kos pembedahan itu.

Ditanya pemberita Malaysia sama ada beliau kagum dengan kejayaan pembedahan itu, Dr Mahathir berkata: "Sudah tentu saya kagum. Sebagai seorang doktor saya tahu betapa sukarnya pembedahan itu kerana ia turut melibatkan pemisahan organ yang dikongsi oleh pasangan kembar itu."

Dr Abdullah sementara itu memberitahu pemberita bahawa Ahmad dan Muhammad kini menikmati makanan normal dan menggemari nasi, ayam dan sup dengan Muhammad kini makan lebih banyak daripada abangnya, berbeza dengan keadaan beberapa minggu sebelum ini.

Menurut beliau, sistem jantung, buah pinggang, hati dan perut mereka adalah normal dan mereka kini menerima rawatan fisioterapis dalam usaha menguatkan otot sebagai persediaan untuk mereka berjalan.

"Mereka kini boleh berdiri kira-kira 10 minit dan semakin kuat hari demi hari," katanya sambil menambah bahawa ukuran telah dibuat minggu lepas bagi pemasangan kaki palsu dua beradik itu.

Kaki-kaki palsu dijangka siap dalam tempoh tiga minggu, katanya.

Beliau berkata rawatan antibiotik Muhammad juga akan dihentikan mulai esok.

Dr Mahathir sementara itu turut diberi taklimat mengenai perkhidmatan hospital itu serta melawat beberapa jabatan dan kemudahan.

Perdana Menteri gembira dengan minat hospital itu untuk meningkatkan kerjasama dengan Malaysia termasuk mendapatkan khidmat jururawat dari Malaysia.

Sementara itu, ibu pasangan kembar itu, Aishah Kanda berkata anak-anaknya begitu bersemangat untuk balik.

-- BERNAMA

ZS LES MOZ